



Kepada sekalian penggemar ruangan ini diucapkan Selamat Hari Raya serta ampun dan maaf lahir batin. Diharap jangan jemu dengan Kopi Pahit – sebab Kopi Pahit menyegarkan mata.

* * *

Selalu kita membaca di dalam sebuah perkataan ada, tidak ada pendidikan dan seumpamanya. Kalau dibaca seterusnya ikut bunyi tentu orang bertanya: Bahasa Melayu bukan, Bahasa Arab bukan, Bahasa Tamil bukan, *wa al-hāṣil* bahasa apa. Seorang teman bilang kalau mau tau tanya sama Awang Sulong, Selamat Hari Raya Encik Awang.

* * *

Dr Goh Keng Swee, di dalam ucapannya menganjurkan supaya perusahaan-perusahaan Cina mengadakan usaha-usaha perindustrian dan kerajaan bersedia memberi bantuan. Sebaliknya Tuan Burn, Menteri Buruh membuat Undang-undang Buruh yang menakutkan orang-orang membuat perusahaan sehingga lepas sebuah, sebuah lagi menutup perusahaannya kerana tidak tahan meneruskan usahanya. Kalau di dalam negeri orang banyak telah menutup usahanya yang ada apa mungkinkah¹ usaha baharu akan datang terutamanya dari luar negeri – jauh panggang dari api. Adakah mungkin² dari Jepun akan membuat perusahaan di sini sedang di Jepun jam bekerja 55 jam seminggu, di Hong Kong 60 jam dan di Singapura 44 jam – tak logik bung.

* * *

Majlis Mesyuarat Undangan Singapura telah menyerahkan kepada Jawatankuasa Pilihan untuk menapis pindaan undang-undang

Islam yang dikemukakan kepada dewan itu. Kemudian Jawatankuasa Pilihan itu meminta pula orang ramai memberi pendapatnya tentang ini. Orang berpendapat cara ini salah kerana hukum Islam adalah hukum Tuhan – dan yang mengetahuinya ialah ahlinya. Kerana ini maka tidak dilantik beberapa orang ulama daripada beberapa golongan kerana membahas perkara itu kemudian memberi usulnya kerana kalau orang awam yang diminta fikirannya maka *sentiment* yang diperkatakan – tidak lagi ilmu yang diperluaskan.

* * *

Tengku Abdul Rahman menganjurkan supaya diadakan Peraduan Qur’ān bagi seluruh dunia Islam. Ini bagus Tengku tetapi apakah Tengku tidak memikirkan pula supaya lebih baik pelajaran al-Qur’ān itu jangan lagu dan tajwidnya sahaja yang digalakkan tetapi memaham dan mengamalkan maksud dan tujuan kandungannya yang lebih mustahak daripada bacaannya. Bagaimana pendapat Tengku? Kalau ini dibuat maka sebenarnya syabas Tengku sebagai seorang Islam sebab tiap-tiap orang Islam dikehendaki beramal bukannya hanya berkata.

* * *

UMNO cawangan Bandar Raya Singapura tidak mahu tunduk kepada perintah UMNO pusat supaya patuh kepada UMNO negeri Singapura. Dengan diului oleh Syed Ali Redha berhenti beramai-ramai. Sebabnya kononnya tidak mahu Hamid Jumat jadi Ketua UMNO Negeri. Kalau Dato’ Hamid Jumat letak jawatan sudah tentunya³ jabatan itu kosong. Tidakkah tidak mau Dato’ Hamid ertinya Tuan Syed Ali mahu tempat itu? Tanya sama orang Singapura sahaja – bung! T.S.T lah!

* * *

Akhirnya – ruangan ini sekali lagi mengucapkan Selamat Hari Raya dan sekalian pembaca harap suka memaafkan.

- Cemeti al-Farouk

¹ Di dalam Qalam asal dieja munkinkah

² Di dalam Qalam asal dieja mungkin

³ Tidak dapat dilihat dalam Qalam asal